

Rencana Pengarang

berjalan. Akhirnya dipaksakan dan ditakdirkan tidak dapat dijalankan kerana pegawai-pegawaiannya tidak dapat diadakan sebab orang-orang yang diminta dikatakan memberi syarat-syarat supaya undang-undang “yang dipaksakan” itu hendaklah dipinda sebagaimana yang dikehendaki oleh syariat Islam sebab orang-orang itu tidak tergemark menjual agamanya kerana pangkat dan jawatan sebab mereka masih ada sara hidup yang lumayan.

Kita bentangkan ini di sini tidak lain semata-mata untuk menjelaskan kepada pembaca gambaran mengapa sebabnya majalah kita diharamkan dijual dan dimasukkan ke Pulau Singapura – bukan kerana subversif dan jauh sekali daripada membawa pengaruh Komunis – tetapi tidak lain dan tidak bukan, menurut pendapat kita, kerana tugas kita mempertahankan kemulian agama Islam dan hukumnya dan kita tidak mahu kerajaan Singapura memperkosa agama itu.

Daripada ini bolehkan kita mengatakan, menurut hemat kita, bahawa ternyata di Pulau Singapura ada langkah-langkah bukan sahaja untuk menghapuskan semangat dan pengaruh Islam tetapi mungkin untuk menghapuskan Islam sedikit demi sedikit. Untuk penjelasan dalam hal ini, *in shā-Allāh*, dalam keluaran yang akan datang kita akan menggambarkanya. Di dalam rencana khas mengenainya.

Soal Seminar Zakat

Dengan persetujuan 12 orang ketua-ketua agama seluruh Malaysia telah dipersetujukan untuk mengadakan suatu seminar mengkaji wang-wang zakat yang hampir-hampir *6 million* banyaknya untuk dijadikan “Tabung Perbadanan dan Permodalan Majlis Islam Malaysia” yang diputuskan untuk diadakan pada 10 Februari 1967.

*Dari hal kita

Untuk memberi kerjasama di lapangan dakwah dan perkembangan Islam maka mulai dari keluaran ini Majalah Qalam ditambah empat muka khusus digunakan sebagai ruangan “Di sektor Jamiyah al-Da’wah al-Islamiyyah Selangor” untuk memberi perkhidmatan atas perkembangan-perkembangan dakwah yang dijalankan olehnya. Mudah-mudahan ruangan ini bukannya sahaja bermanfaat kepada Jamiyah tetapi juga kepada umat muslimin untuk mengetahui perkembangan badan dakwah yang tertua dan banyak jasanya itu.*

tujuh buah kertas kerja akan dibincangkan dalam seminar itu yang rumusan tentunya kelak akan dikemukakan ke Majlis Raja-Raja Melayu disebabkan hal ehwal agama di negeri-negeri. Malaysia adalah terletak diatas kuasa Raja-raja melayu.

Di dalam kenyataan itu tidak disebutkan dengan cara khusus adakah pungutan zakat, yang dihimpunkan itu daripada kumpulan wang-wang zakat harta atau pun zakat fitrah dan kerana itu adalah sangat sulit bagi memberi fikiran dan pendapat di dalam soal ini.

Umum umat Islam mengetahui bahawa zakat itu terbahagi kepada dua yaitu zakat fitrah dan zakat harta

- sedang pembahagian dan tugasnya serta pelaksanaan di antara keduanya berlainan – tidak sama. Sepanjang yang dapat kita bayangkan bahawa pungutan-pungutan yang dijalankan oleh jabatan agama adalah berlainan tetapi hasilnya dihimpunkan dan pembahagiannya tidak pula meliputi sebagaimana yang dikehendaki dan sebab itu sangat sukar untuk menjadikan hasil pungutan zakat yang bersifat umum (sama ada ia dari zakat harta atau fitrah) untuk dijadikan permodalan atau dijadikan permodalan satu perbadanan sebab mungkin ia berlawanan dengan dasar dan tujuan serta maksudnya zakat itu.

Umpamanya zakat fitrah. Zakat fitrah tidak datang wajibnya melainkan pada petang Hari Raya Puasa dan gugur wajib itu sudah sembahyang Hari Raya. Ertinya seseorang Islam tidak diwajibkan mengeluarkan zakat fitrah sebelum ia hidup pada petang hari raya – dan sekiranya ia mati sebelum masa itu di awal puasa maka pengeluaranya bukanya suatu pengeluaran yang wajib bahkan ia boleh dipusakai. Wajibnya pada petang itu dan tidak boleh dipaksakan sebelum